

02/05/2001

Hasil kajian SSB siap akhir Jun

KUALA LUMPUR, Selasa - Kajian mengenai Sistem Saraan Baru (SSB), termasuk Sistem Gaji Matriks, yang menyebabkan rasa tidak puas hati ramai kakitangan awam kerana mendakwa terdedah kepada pilih kasih, dijangka siap akhir Jun ini.

Laporan bagi kajian yang dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) itu akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum dibentangkan kepada Kabinet.

Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs), N Siva Subramaniam, berkata pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan JPA bulan ini untuk memberi input kepada cadangan pengubahsuaian SSB.

"Kita yakin isu ini boleh diselesaikan menjelang Julai ini. Memang kita mahu sistem ini dimansuh dan digantikan dengan `sistem gaji satu baris'," katanya ketika ditemui selepas menghadiri majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi kakitangan sektor awam, di sini hari ini.

Mengulas isu yang sama, Dr Mahathir dalam sidang akhbar selepas merasmikan perhimpunan itu berkata kerajaan belum dapat mengumumkan perubahan kepada SSB kerana ada beberapa isu perlu diselesaikan.

Perdana Menteri berkata, ia masih dalam kajian Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan JPA.

"Ia sesuatu yang sangat kompleks...kita perlu mengkajinya sedalam mungkin," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir mengulangi pendirian kerajaan untuk mengkaji SSB, termasuk mengambil kira pandangan Cuepacs kerana menyedari ramai pihak yang tidak puas hati.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsuddin Osman, yang ditemui pemberita pada majlis yang sama berkata JPA sedang meneliti sistem penilaian dalam SSB yang menjadi punca rasa tidak puas hati ramai kakitangan perkhidmatan awam.

Katanya, JPA akan menyelesaikan masalah itu secepat mungkin kerana sudah lama menjalankan penilaian berkenaan. SSB dilaksanakan sejak 1992.

"Apabila penelitian itu siap, kita akan kemukakan kepada kerajaan. Apa yang kita lakukan ialah memperbaikinya kerana ada ciri-ciri dalam SSB yang menjadi rungutan pekerja," katanya.

Samsuddin berkata, sebenarnya hanya satu dua perkara saja dalam SSB yang menjadi rungutan kakitangan awam berbanding dengan faedah yang banyak dinikmati menerusi skim itu.

Katanya, antara perkara yang menjadi rungutan mereka ialah sistem penilaian prestasi yang membolehkan seseorang kakitangan mendapat gaji menegak atau melintang.

"Dari segi teori memang baik tetapi pelaksanaannya bergantung kepada manusia kerana manusia yang membuat penilaian. Oleh itu sukar untuk mendapat keadaan yang objektif," katanya.

(END)